

26/01/2003

Patah tumbuh, hilang berganti

IRONINYA reaksi kepada rombakan kecil pucuk kepemimpinan Umno Kelantan nampaknya seolah-olah belum luput daripada telinga pemimpin-pemimpin Umno negeri lain.

Di Kuala Lumpur kita dengar macam-macam gosip, berita angin, skandal dan risik-risik - ada antaranya menjadi berita sah selepas beberapa ketika. Banyak pula cakap-cakap itu bunyinya saja seperti guruh di langit, hujan tidak turun juga. Dalam kehidupan terutama sesuatu yang berkait dengan politik semua berkemungkinan, nothing is impossible.

Kesediaan Jemaah Majlis Kerajaan negeri Pahang (Exco) yang jumlah anggotanya sembilan memberi laluan kepada pasukan muda dalam pilihan raya

umum akan datang adalah satu keputusan, kalau pun tidak serius, yang bijak; harus menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.

Datuk Seri Adnan Yaakob dan Exconya harus dipuji. Bukan main-main mahu mengundur diri secara sukarela dari jawatan tertinggi di negeri itu.

Ramai manusia cepat berpatah hati. Dalam politik jangan sekali-kali lekas putus harapan, patah semangat atau tawar nafsu dan hilang cita-cita, ambisi kata orang kini. Begitu juga dalam apa kegiatan pun jangan senang menyerah diri kepada takdir. Cuba patahkan serangan yang menyerang.

Patah kemudi, perahu tidak mesti hanyut!

Kata orang tua bila satu bangsa itu hilang Raja (atau ketua) mereka akan jadi kucar kacir. Tidak semestinya! Banyak contoh lama dan sezaman. Apabila Tengku Abdul Rahman Putra berhenti, Tun Razak meletakkan bangsa kita di atas landasan baru menuju destinasi baru, lepas Tun Hussein Onn, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa bangsa kita ke sempadan yang tidak terlintas di minda kita. Sesudah 23 tahun sebagai kapten bahtera Malaysia

dia dijangka berundur akhir tahun ini. Saya yakin bahtera Malaysia di bawah kapten barunya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tidak akan karam atau Umno berpecah belah. Abdullah kan seorang yang realis?

Keutamaan Umno mesti dipelihara

Bangsa Melayu/Bumiputera dan Umno adalah bangsa dan parti politik yang dominan di negara ini sejak kita mengenali demokrasi kerana itu Umno mempunyai banyak tanggungjawab dan akibatnya juga ramai musuh, nyata atau

sebaliknya. Itu lumrah, seorang yang ternama, berpengaruh dan berkuasa tidak boleh lari daripada kenyataan ini.

Dalam sejarah dunia tiada satu bangsa atau kuasa terunggul yang disukai

dan disanjung - ia terdedah kepada kebencian, iri hati dan bangsa lain takut kepadanya. Amerika Syarikat bertaraf demikian kini, semenjak selepas

Perang Dunia Kedua dan masa akan datang sehinggalah Amerika Syarikat

jadi

macam bekas Soviet Union.

Dunia sekarang, mengikut pertimbangan Dr Mahathir, berada di ambang Perang Dunia Ketiga. Ramalan Dr Mahathir tidak jauh terkeluar berdasarkan

paluan gendang perang Amerika Syarikat, demi hari makin kuat bisingnya.

Kita keji dasar global Amerika Syarikat sebab kita melihat apa yang sedang berlaku di seluruh dunia terutama terhadap orang Islam dari kaca mata kita dan mereka pula melihatnya dari lensa mereka.

Barisan Nasional (BN) bercita-cita kembali seperti dulu memerintah seluruh negara, satu resolusi yang bagus dan terpuji. Saya juga mahu BN menang dan mentadbir semua negeri komponen Malaysia. Akan berlakukah ini?

Tidak mustahil! Tetapi pada pendapat ramai, ia satu impian saja.

BN masih gergasi

Jangan pula musuh-musuh BN terutama Pas, seteru yang ada sedikit kewibawaan berbanding dengan DAP dan Keadilan, mimpi siang hari. BN masih

gergasi politik, parti-parti komponennya mempunyai jentera, kewangan, pengalaman, tenaga dan sumber yang sukar ditandingi. Tetapi kenapa pula di

Kelantan, Terengganu dan satu ketika di Pulau Pinang dan di Sabah BN kalah? Itu cerita lain, kita tulis masa lain pula.

Kita sekarang berbicara tentang Kelantan dan Terengganu kerana keduanya telah terlepas kepada Pas. Bolehkah BN rampas kembali kedua-dua negeri Melayu ini?

Sila beri pendapat jujur anda kepada saya. Saya berterima kasih kepada ramai pembaca yang e-mail, menulis, telefon, faks dan berjumpa di majlis-

majlis rasmi dan tidak rasmi yang membuat kesimpulan kenapa orang Melayu tidak suka membaca. Ada yang membuka minda saya, ada pula membela orang kita; kononnya tidak gemar membaca bukan monopoli Melayu saja. Semua orang

begitu! Kalau inilah minda sesetengah Melayu kita, saya terus kecewa.

Saya

tidak peduli apa bangsa lain buat, saya ingin bangsa saya memiliki budaya

membaca, menulis dan mengejar ilmu pengetahuan ke merata dunia dengan mengamalkan sabda Rasullullah SAW; "Tuntutlah ilmu hingga ke negara China."

Ilmu mesti dikejar, dari kita bayi hingga ke liang lahat.

Beritahu saya apakah prospek BN di Kelantan (saya tahu) di Terengganu (saya rasa boleh teka), dan di negeri Melayu di Pantai Timur dan Utara - saya tidak arif di wilayah-wilayah itu.

Tanpa faktor antarabangsa saya amat yakin walaupun kritikan dan kecaman

teruk, majoriti rakyat akan kembalikan BN memerintah di pusat. Model kerajaan kita telah teruji. Malaysia majmuk, bukan seperti Kelantan dan Terengganu yang homogeneous (seperti juga Singapura). Yakni, wilayah yang

majoritinya terdiri dari sejenis, homogen kata Dewan Bahasa. Kalau guna homogeneous seluruh dunia faham, homogen di Kok Lanis pun ramai yang tak tahu maknanya.

Aqiqah cucu

Kelmarin kata orang Kelantan, semalam kata orang ibu kota, saya dan isteri mengadakan kenduri aqiqah dua cucu, seorang lelaki dan seorang perempuan (Ariz Mirza dan Zara Aliana). Ramai kawan-kawan sedarjah saya di

MCKK (sekarang berumur pertengahan 60-an) mempunyai banyak cucu sekarang bahkan ada di ambang dapat cicit. Saya baru dapat cucu. Ahli jemputan - melalui mulut saja - terdiri daripada saudara mara yang ada di Kuala Lumpur saja dan jiran-jiran terdekat yang sempat telefon. Saya terkejut ramai juga ada saudara mara di ibu kota - hampir 300 orang hadir. Dulu ketiga-tiga anak saya buat aqiqah di Kelantan tetapi kini lebih wajar disempurnakan di Wilayah Persekutuan kerana logistik dan ramai pula waris-
waris sudah menetap di Kuala Lumpur dan Selangor.

Aqiqah ini juga sempena besan saya, Dr Alias Baba dan isterinya Maria dan anak lelaki tunggal mereka Razlan menunaikan fardu haji minggu depan.

Dr Alias dan Maria berkongsi dua cucu hasil perkahwinan anak sulung mereka

Mariati dengan anak sulung saya, Adhha.

Walaupun aqiqah ini sunnah, isteri saya mahu ia diadakan juga. Saya ikut saja, kelaziman saya dengan isteri. Saya perturunkan pendapat tentang aqiqah daripada Ustaz Zaman Yusof, Pegawai Agama New Straits Times Press (NSTP):

Dua ekor kambing bagi anak lelaki dan seekor anak perempuan

"Aqiqah menurut bahasa asalnya adalah rambut yang ada pada bayi ketika dilahirkan. Aqiqah juga bererti memutuskan hubungan. Daripada kata-kata ini timbullah perkataan `uquuqul walidain' yang bermaksud memutuskan tali hubungan dengan kedua-dua orang tua.

Namun, menurut istilah syarak, aqidah bererti menyembelih kambing untuk bayi. Kadang-kadang kambing itu juga dinamakan aqiqah.

Sebahagian ulama menganjurkan sebutan nasiqah sebagai ganti sebutan aqiqah kerana kata-kata nasiqah sering disebut dalam hadis Rasulullah SAW.

Segolongan besar ahli agama juga berpendapat bahawa ia adalah suatu amalan yang harus digalakkan, akan tetapi tidak berdosa bagi mereka yang tidak boleh melakukannya (kerana sebab-sebab tertentu).

Daripada ummu Karaz Al-Ka'biyah, bahawasanya beliau bertanya kepada Rasulullah mengenai aqiqah. Maka baginda bersabda: "Bagi anak lelaki dua ekor kambing, bagi anak perempuan seekor kambing, tidak mengapa sama ada kamu anak lelaki atau perempuan."

Boleh juga menyembelih seekor kambing bagi anak lelaki kerana Rasulullah sendiri pernah melakukannya terhadap cucunya, Hasan dan Husein r.a.

Ibnu Qayyim mengaitkan antara aqiqah dengan korban Nabi Ismail yang diganti dengan kambing di mana Allah telah menyelamatkannya dengan kambing itu. Maka tidak boleh diingkari lagi bahawa amalan ini (aqiqah) adalah amalan untuk menghindarkan diri daripada godaan syaitan setelah dilahirkan di dunia.

Ia juga sejajar sebagaimana dengan menyebut nama Allah ketika meletakkannya ke dalam rahim ibunya untuk menjauhkan daripada kejahatan syaitan. Dan tentunya masih banyak lagi hikmah yang belum kita ketahui."

Susahlah kalau kita lebih Arab dari Arab

* Mengikuti Dr Mahathir pelajar Malaysia di Kaherah - dan saya lihat di sini pun ada sesetengah Melayu - lebih berperangai Arab daripada Arab hingga membingungkan orang Arab sendiri.

* Yang teruknya majoritinya tidak pun tahu bahasa Arab sekadar hafal doa hadis dan baca al-Quran.

* Apabila orang orientalis kata kebudayaan Melayu lemah dan minda dan ketahanan Melayu tidak kuat dan kukuh kita marah tetapi itulah sebenarnya

yang ditunjukkan oleh sesetengah orang kita.

* Saya mahu bangsa saya pandai puluhan bahasa tetapi mestikah kita ikut

adat resam bangsa itu yang kebanyakannya tidak sesuai dengan adat resam dan iklim, suhu negara kita?

* Sepanjang saya tahu tiada pakaian Islam, pakaian tradisi Arab ada; Arab Maghribi pakaiannya berlainan dari pakaian Arab Badwi, Mesir, Libya dan Oman. Tutup aurat, saya setuju tetapi mestikah kita pakai seluar khameez atau jubah? Kalau ikut fesyen tak apa, tetapi ini dah jadi - di kalangan minoriti - seolah pakaian kebangsaan pula!

KATA HIKMAH HUJUNG MINGGU

* Carilah apa yang kamu hajati (selepas sembahyang Jumaat), Allah SWT mahu kamu berjaya DI DUNIA dan akhirat. - Maksud Ayat 10 Surah Al-Jumua (Jumaat).

* Rasulullah SAW pernah bersabda; "Bacalah al-Quran selama hatimu bersetuju dengan tafsirannya. Jika kamu memiliki pendapat yang berbeza (dalam masalah interpretasi), berhentilah membaca (dan berfikir) buat sementara waktu. - Jundab bin Abdullah r.a.

* Kain baru kain Pak Chin,
Disuruh kesat dulang;
Sudahlah saya buruk dan miskin,
Apa guna bagi orang?

* Pohon mangga dalam kebun,
Berbuah lebat patah dahan;
Salah silap minta ampun,
Mana termakan minta halalakan.

* Olok-olok si pekan-pekan,
Hari panas menjala udang;
Kita bertolak kami berpesan,
Jangan lama di negeri orang.

* Hanya satu saja saya suka orang kaya: duit mereka - Lady Astor.

* Ada tiga jenis pembohongan: bohong, dusta yang melaknatkan dan statistik - Benjamin Disraeli.

* Kata-kata (words) adalah dadah yang (termujarab) yang digunakan oleh manusia. - Rudyard Kipling.

* Majoriti manusia lebih suka dicintai daripada memberi kasih sayang. - Aristotle.

* Seorang pelahap (yang makan terlalu banyak) menggali kuburnya dengan giginya. - Pepatah Inggeris.